

Cadangan Penyetempatan Pengagihan Zakat di Malaysia: Adakah Amil Sudah Bersedia?

(A Proposal of Localization of Zakat Distribution in Malaysia: Do Amil is Ready?)

Hairunnizam Wahid

Sanep Ahmad

Universiti Kebangsaan Malaysia

Radiah Abdul Kader

Universiti Malaya

ABSTRAK

Isu pengagihan zakat masih lagi relevan dibincangkan di masa kini. Walaupun jumlah kutipan zakat menunjukkan peningkatan yang besar setiap tahun, namun pencarian kaedah pengagihan zakat yang efisien dan cekap masih lagi menjadi perbincangan oleh institusi zakat. Kaedah penyetempatan (*localization*) pengagihan zakat merupakan salah satu cadangan alternatif penyelesaian kepada isu pengagihan zakat. Namun kejayaan pelaksanaan kaedah ini amat memerlukan kepada keupayaan, latar belakang serta kebolehan amil untuk memikul tanggungjawab ini untuk melaksanakannya. Kajian ini menunjukkan amil sebenarnya sudah bersedia melaksanakan konsep ini namun pihak institusi zakat perlu mempertingkatkan lagi kualiti amil daripada pelbagai aspek agar konsep ini benar-benar dapat dilaksanakan dengan cekap dan profesional. Beberapa cadangan konsep amil profesional juga akan dibincangkan dalam kajian ini.

Kata kunci: Amil professional; penyetempatan pengagihan zakat

ABSTRACT

Zakat distribution issue is still relevant in today's discussion. Although the amount of zakat collection shows tremendous increase every year, but the search for efficient methods of zakat distribution is still a debate by the zakat institutions. A proposal of localization is one of the alternative methods to overcome the issue of zakat distribution. However, successful implementation of this method depends to the ability, the background and the capability of amil to take this responsibility to implement it. This study shows that amil are ready to implement this concept, however the zakat institutions have to improve the quality of amil in various aspects in order to make sure this concept can really be implemented efficiently and professionally. Some concept of professional amil is discussed in this study.

Keywords: Profesional amil; localization of zakat distribution

PENDAHULUAN

Allah S.W.T telah menjelaskan golongan yang berhak menerima zakat iaitu melalui firmanNya yang bermaksud:-

Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dijinakkan hatinya, untuk (memerdekakan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (Surah 9: 60).

Firman Allah s.w.t lagi:-

Sesungguhnya orang yang wajar mengimarahkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan ia tidak takut kecuali Allah, semoga mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayat (Surah 9:18).

Tafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang miskin), amil, orang mu'alaf yang dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang dibebani hutang), *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Ayat tersebut juga menunjukkan isu pengagihan zakat amat penting memandangkan penegasan dan penjelasan yang nyata dalam pengagihan zakat termasuklah amil yang berperanan sebagai pengutip dan pengagih zakat.

Al-Quran sendiri menyebut tentang zakat sebanyak 82 kali bersama kewajipan mendirikan solat menunjukkan betapa pentingnya amalan rukun Islam yang keempat ini. Perkataan solat dan zakat banyak dinyatakan secara seiring dalam Al-Quran dan kedua-dua ibadah khusus ini pula amat signifikan dikaitkan dengan institusi

masjid. Maksud ayat “*takut kepada Allah*” dijelaskan selepas menyebut dua syarat keimanan dalaman melalui keimanan kepada Allah dan hari Akhirat; dan perbuatan melalui ibadah solat dan zakat akan dibalas oleh Allah dengan hidayat, pencapaian matlamat dan kejayaan sama ada di dunia mahupun di akhirat (Qutb, 2000). Justeru institusi masjid merupakan satu institusi yang penting dalam menjayakan agenda pengurusan zakat terutamanya melalui cadangan pelaksanaan konsep penyetempatan pengagihan zakat (Hairunnizam et al. 2011).

RASIONAL

Sejarah profesion amil telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. Jika dilihat daripada sejarah pada zaman Rasulullah s.a.w, kutipan dan pengagihan zakat secara prinsipnya dilaksanakan dalam lokaliti yang sama, bermaksud zakat dikutip dan diagihkan juga di kawasan yang sama dan tiada lebih zakat diserahkan kepada kerajaan pusat untuk diagihkan kepada kawasan yang lain. Tiada fakta atau laporan menunjukkan lebih dana atau zakat diagihkan ke kawasan yang lain ketika zaman Rasulullah s.a.w. Pada zaman tersebut, Rasulullah s.a.w sebagai ketua negara di Madinah yang pada ketika itu merupakan satu kerajaan yang kecil telah menggunakan khidmat amil untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Malah pada ketika itu, terdapat ramai tenaga manusia bersifat sukarela berkhidmat dan sumbangan kewangan oleh masyarakat adalah sangat baik kerana masyarakat Islam pada ketika itu sangat tinggi kepercayaan dan keimannya. Ini menjadikan sistem zakat pada zaman tersebut sangat berjaya dan berkesan (Kahf 1999). Ini secara tidak langsung menunjukkan kaedah penyetempatan kutipan dan pengagihan zakat telah berlaku pada zaman tersebut.

Adakah konsep penyetempatan perlu dilaksanakan pada masa kini untuk penambahbaikan lagi sistem pengurusan zakat? Terdapat satu cadangan secara teoretis berkaitan penyetempatan pengurusan zakat di Malaysia (Muhammad Syukri 2006). Ini berikutan kewujudan masalah yang dikatakan *belum selesai* oleh institusi zakat dalam mengagihkan zakat. Ini berdasarkan fenomena jumlah lebih zakat yang tidak diagihkan setiap tahun oleh kebanyakan negeri di Malaysia (Muhammad Syukri 2006; Hairunnizam et al. 2010). Fenomena ini dikatakan wujud disebabkan oleh wujudnya jurang perhubungan antara pusat pengurusan zakat dengan asnaf. Pihak pengurusan zakat dikatakan tidak dapat mengenal pasti asnaf secara tepat terutamanya golongan fakir dan miskin. Ini disebabkan oleh terlalu luasnya kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada sesuatu pusat pengurusan zakat. Semakin besar kawasan dipertanggungjawabkan, semakin luaslah jurang perhubungan antara pusat pengurusan zakat dengan pembayar zakat (Muhammad Syukri 2006). Fenomena ini menjadi semakin bermasalah sekiranya pengurusan zakat sendiri diurus secara berpusat (*centralized*) di peringkat negeri. Cadangan terhadap

kaedah penyetempatan zakat ini boleh dilaksanakan berlandaskan kepada hujah dan nas-nas tertentu dimana para penguasa perlu membahagikan zakat ke daerah mana zakat itu dipungut, khususnya bagi zakat ternakan, tanam-tanaman dan buah-buahan. Para ulama juga telah bersetuju bahawa zakat fitrah juga mesti dibahagikan di tempat orang yang wajib mengeluarkan zakat fitrah itu berada (Qardawi 1996; Muhammad Syukri 2006).

Satu cadangan kepada penyelesaian masalah ini ialah mengecilkan kawasan tanggungjawab dan mengendurkan pemusatan tersebut dan dinamakan sebagai kaedah penyetempatan zakat (Muhammad Syukri 2006). Kaedah ini melibatkan proses pemencaran (*decentralization*) kuasa dimana pusat pengurusan zakat perlu mengagihkan kuasa memungut dan mengagih zakat kepada kakitangan di lokaliti tempatan seperti daerah, mukim kampung atau kariah. Kaedah ini dijangka akan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan zakat di lokaliti tersebut. Sebenarnya isu penyetempatan sebenarnya telah banyak dibincangkan dalam aspek federalism fiskal, dimana ia dikenali sebagai proses pemencaran kuasa pengagihan cukai kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Banyak pengkaji bersetuju, proses pemencaran pengagihan ini akan meningkatkan kecekapan dan keefisienan dalam pengurusan cukai kepada pembayar cukai di lokaliti tertentu dan penduduk penempatan tertentu yang akhirnya menawarkan barangan tertentu (Tiebout 1956; Oates 1972; Breton 2002; Larson 2002; Henandez-Trillo & Jarillo-Rabling 2008) dan kajian keberkesanan proses pemencaran kepada kumpulan miskin (Alderman 2002; Faguet 2004). Ramai pengkaji telah mengutarakan kelebihan proses pemencaran fiskal seperti pegawai yang lebih dipercayai, akauntabiliti dan telus (Crook & Manor 2000; Braun & Grote 2002; Tugrul & Shah 2002), hubungan rapat antara pegawai dan penduduk tempatan serta mudah menyuarakan pandangan dan meningkatkan penyertaan penduduk (Abdul Aziz 1993; Alatas et al. 2003; Shah & Thompson 2004; Muhammad Syukri 2006; Shama 2009), bertanggungjawab dan respons yang segera terhadap keperluan penduduk setempat (Oates 1972; Kahf 1995; Faguet 2004) dan mengurangkan ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi antara kawasan dan wilayah (Crook & Manor 2000; Abdul Aziz 1993; Hankla 2008).

Walaupun terdapat banyak kajian telah membincangkan kelebihan pemencaran dan penyetempatan fiskal, namun tiada satu pun kajian yang memfokuskan kepada persepsi dan reaksi amil sebagai pelaksana atau pegawai terhadap cadangan pelaksanaan konsep tersebut. Tambahan lagi amil merupakan pelaksana utama dalam sistem pengurusan zakat. Banyak kajian terdahulu membincangkan berkenaan konsep dan ciri umum yang perlu ada pada diri seseorang amil di institusi zakat (Ram 2011). Perlu dinyatakan bahawa majoriti penerima zakat yang terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin serta amil sebenarnya telah bersetuju secara prinsipnya melaksanakan konsep penyetempatan dalam pengagihan zakat (Radiah et al.

2010). Malah terdapat kajian mendapati nilai keagamaan dalam diri asnaf merupakan faktor utama yang perlu diberikan perhatian oleh institusi zakat memandangkan ia amat penting dalam mengubah sikap asnaf berubah diri ke arah yang lebih positif (Hairunnizam et al. 2010). Ini dibuktikan oleh majoriti asnaf yang berminat menyertai bidang keusahawanan dan sekurang-kurangnya ingin melibatkan diri dalam aktiviti dan khidmat sosial (Hairunnizam et al. 2011a). Terdapat kajian yang membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi terhadap penyetempatan pengagihan zakat dan peranan masjid sebagai cawangan institusi zakat (Hairunnizam et al. 2011a).

Signifikannya kajian ini ialah dalam konteks mendapatkan persetujuan serta kesanggupan pihak pelaksana iaitu amil untuk merealisasikan secara praktis cadangan menyetempatan pengagihan zakat sebagai penyelesaian masalah pengagihan zakat. Kajian ini berbeza dengan kajian Muhammad Syukri (2006) dan Hairunnizam et al. (2010) dimana kajian ini memfokuskan kepada golongan amil berbanding kedua-dua kajian tersebut yang hanya memfokuskan kepada asnaf fakir dan miskin. Persetujuan ini adalah penting kerana amil merupakan salah satu agen penting dalam sistem pengurusan zakat dan lebih penting lagi persetujuan amil adalah penting untuk memastikan sebarang cadangan pelaksanaan konsep tersebut memerlukan perubahan budaya sesebuah masyarakat dalam jangka masa yang panjang terutamanya golongan pelaksana dasar untuk memastikan sesuatu cadangan dasar dan polisi tersebut berterusan serta mapan (Williamson 2000). Kajian ini juga penting untuk menguji beberapa pemboleh ubah yang dijangkakan mempengaruhi kesanggupan dan minat amil dalam memikul tanggungjawab sekiranya konsep ini dilaksanakan di masa akan datang berbanding kajian-kajian sebelum ini yang hanya membincangkan konsep penyetempatan zakat dalam aspek teori semata-mata serta menganalisis konsep penyetempatan di kalangan golongan fakir dan miskin sahaja.

KAJIAN LEPAS

Kajian zakat sebelum ini banyak tertumpu kepada strategi meningkatkan jumlah kutipan zakat. Antara cadangan yang telah dilaksanakan ialah meningkatkan kesedaran membayar zakat di kalangan masyarakat termasuklah kumpulan pekerja profesional (Mohd Ali et al. 2004), meningkatkan kesedaran membayar zakat ke atas harta (Hairunnizam et al. 2005), isu pengkorporatan institusi zakat (Nor Ghani et al. 2001; dan Sanep et al. 2006), kesedaran masyarakat terhadap pembayaran harta yang *diikhtilaf* (Sanep & Hairunnizam 2005) dan juga meningkatkan kutipan zakat melalui zakat pendapatan dan skim potongan gaji kakitangan (Hairunnizam et al. 2007). Kajian-kajian tersebut antaranya bertujuan meningkatkan kesedaran membayar zakat yang akhirnya akan menyebabkan jumlah kutipan zakat terus

meningkat dari tahun ke tahun. Jika jumlah kutipan meningkat, amaun zakat yang diagihkan kepada fakir miskin juga akan meningkat dan ini akhirnya akan memberi kesan positif kepada asnaf zakat dalam aspek ekonomi seperti peningkatan jumlah bantuan dan jenis bantuan zakat, peningkatan jenis dan jumlah bantuan modal kepada asnaf yang memungkinan mengeluarkan asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin dari belenggu kemiskinan (Chapra 1992) atau sekurang-kurangnya secara relatif dapat meningkatkan kualiti hidup asnaf (Hairunnizam et al. 2004; Hairunnizam et al. 2011c).

Situasi semasa menunjukkan jumlah kutipan zakat setiap tahun terus meningkat. Jumlah kutipan zakat telah meningkat menggambarkan strategi kutipan oleh pusat zakat telah menunjukkan satu kejayaan. Oleh itu mungkin dapat disimpulkan bahawa aspek kutipan zakat bukan lagi menjadi masalah utama kepada institusi zakat. Membayar zakat oleh individu Muslim telah menjadi satu budaya murni yang kini tersemam di kalangan masyarakat Islam. Namun begitu terdapat beberapa kajian semasa yang mendapati permasalahan zakat pada masa kini adalah melibatkan aspek pengagihan zakat. Kebanyakan masalah pengagihan ini dapat dikesan oleh pembayar zakat yang merupakan antara agen utama dalam sistem zakat. Kajian terhadap pembayar ini menunjukkan mereka masih lagi kurang berpuas hati dalam aspek pengagihan zakat oleh institusi zakat (Muhammed Dahan 1998; Muhammad Syukri 2006; Hairunnizam et al. 2010).

Kesemua kajian tersebut mendapati sekiranya institusi zakat tidak memberi perhatian sepenuhnya kepada persepsi negatif pembayar zakat, ia akan mewujudkan beberapa isu yang lain seperti membayar zakat secara langsung dan terus kepada asnaf zakat, malah lebih bermasalah lagi tidak mahu membayar zakat (Aidit 1989; Muhammad Syukri 2006; Sanep et al. 2006). Walaupun bagi sesetengah pendapat *fuqaha'* tindakan mengagihkan zakat secara langsung kepada asnaf adalah diharuskan, namun tindakan ini akan menimbulkan isu yang lain seperti pengagihan zakat hanya tertumpu pada asnaf fakir dan miskin sahaja dan mengabaikan enam lagi asnaf yang lain disebabkan masalah kekurangan maklumat (Hairunnizam et al. 2010). Ini kerana pembayar zakat tiada maklumat berkenaan asnaf selain asnaf fakir dan miskin. Tambahan lagi pembayaran zakat secara tidak formal akan menyebabkan sistem rekod jumlah kutipan dan agihan zakat di setiap negeri tidak akan dinyatakan dalam laporan zakat yang kemungkinan akan menunjukkan jumlah kutipan zakat yang banyak jika diambil kira jumlah pembayaran zakat secara tidak formal (Sanep et al. 2006).

Apakah strategi dan cadangan sesuai mengatasi masalah pengagihan zakat? Antara cadangan yang perlu dipertimbangkan ialah kaedah penyetempatan zakat kerana terdapat beberapa kajian telah menunjukkan kaedah ini telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi (Abdul Aziz 1993; Kahf 1995; Muhammad Syukri 2006; Steiner 2011). Terdapat juga kajian mencadangkan pelaksanaan kaedah penyetempatan zakat

dalam aspek kutipan dan pengagihan di lokaliti berkenaan bersandarkan kepada beberapa hujah. Senenarnya semua kaum lebih berhak terhadap sedekahnya, sehingga mereka merasa berkecukupan dengannya, orang tempatan lebih berhak ke atas zakat kerana untuk menghormati ketetanggaan, dan kerana dekatnya tempat tinggal mereka dengan tempat tinggal orang-orang kaya (Muhammad Syukri 2006). Di samping itu juga sekiranya petugas tidak mengetahui sehingga ia membawa sedekah ke tempat lain, padahal penduduk asal memerlukan, maka si penguasa harus mengembalikan kepada mereka, seperti yang dilakukan Umar bin Abdul Aziz, dan sebagaimana difatwakan oleh Said bin Jubair (Qardawi 1996; Muhammad Syukri 2006).

Tambahan lagi sekiranya amil mendapati di kawasan tersebut, kesemua asnaf telah menerima zakat dan wujud lebih zakat di baitulmal, lebih tersebut sepatutnya diagihkan ke kawasan yang mengalami defisit dalam pengagihan zakat sekiranya jumlah pengagihan lebih besar berbanding jumlah kutipan seperti dipersetujui oleh kebanyakan ulama' (Qardawi 1996). Jika lebih zakat dapat dipindahkan ke kawasan yang mengalami defisit, ia berkemungkinan dapat mengurangkan jurang ketidaksamaan ekonomi dan sosial antara kawasan dan negeri. Disamping itu juga, konsep pemencaran kepada pentadbiran tempatan dapat mengurangkan ketidaksamaan ekonomi dan sosial antara kawasan terutamanya di peringkat tempatan (Crook & Manor 2000; Hankla 2008). Pentadbir atau pegawai tempatan juga dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka sekiranya mereka dapat mengenal pasti keperluan masyarakat setempat terhadap perkhidmatan sesuatu barang atau perkhidmatan kerana pentadbiran pusat tidak mampu mengenal pasti sasaran barangan awam tertentu kepada kawasan atau negeri yang berbeza (Tiebout 1956; Oates 1972). Malah proses melalui pemencaran, pegawai di peringkat lokal lebih mengetahui latar belakang sosio-ekonomi penduduk di kawasan mereka terutamanya aspek pendapatan dan pelbagai sumber ekonomi yang lain dan ini akan memudahkan sebarang tindakan susulan terhadap dasar membasmi kemiskinan (Alderman 2002). Ini disebabkan latar belakang sosio-budaya yang berbeza antara negeri dan kawasan yang menyebabkan permintaan barangan dan perkhidmatan adalah berbeza.

Oleh itu dalam aspek pengurusan zakat, amil tempatan lebih mudah mengenal pasti keperluan asnaf di kawasan masing-masing terutamanya keperluan oleh kumpulan fakir dan miskin dan berusaha meningkatkan tahap kehidupan mereka. Amil boleh mengetahui keperluan asnaf sekurang-kurangnya jumlah zakat yang diperlukan. Jumlah bantuan zakat untuk kawasan bandar adalah berbeza dengan luar bandar malahan di dalam bandar juga, kemungkinan bantuan zakat adalah tidak sama. Keperluan bantuan bulanan makanan juga tidak sama antara kawasan yang menyebabkan amil tempatan adalah mereka yang secara relatifnya lebih arif berbanding amil negeri berkenaan asnaf di kawasan masing-masing. Ini ditambah lagi dengan keperluan

meningkatkan tahap ekonomi melalui keusahawanan yang telah dicadangkan oleh pusat zakat. Terdapat kemungkinan kegiatan ekonomi yang berbeza antara satu kawasan dan kawasan yang lain yang memerlukan kepakaran amil menentukan aktiviti ekonomi setempat. Ini ditambah lagi amil perlu memantau secara dekat kejayaan asnaf yang telah menerima bantuan modal. Ini memerlukan konsep penyetempatan dilaksanakan dan dipraktikkan di kawasan masing-masing.

Sejarah juga telah menunjukkan, konsep penyetempatan telah dilaksanakan di Malaysia sebelum zaman kolonial lagi. Sejarah menunjukkan pengurusan zakat sebelum zaman kolonial umumnya zakat telah dikutip dan diagihkan di peringkat kampung. Pemencaran pengurusan zakat adalah tidak bertentangan dengan syariat Islam malahan kaedah ini akan menjaga kepentingan golongan fakir dan miskin serta asnaf yang lain (Abdul Aziz 1993). Terdapat beberapa kajian lain yang mencadangkan institusi zakat perlu diadakan sehingga di peringkat kampung, di dalam kawasan masyarakat Islam dan institusi masjid juga berperanan menjalankan tanggungjawab menguruskan zakat. Institusi masjid yang dicadangkan adalah masjid berstatus masjid *jami'* yang dapat menghimpunkan ramai masyarakat Islam pada satu-satu masa (Kahf 1995; Zayas 2003; Hairunnizam et al. 2011a). Namun sekiranya kaedah penyetempatan dilaksanakan, siapakah yang bertanggungjawab mengutip atau mengagihkan zakat tersebut? Sejarah juga telah menunjukkan pada zaman sebelum kolonial, para ustaz atau imam telah berperanan sebagai amil memandangkan masyarakat Islam amat menghormati dan mempercayai mereka dapat mengagihkan zakat secara adil (Abdul Aziz 1993; Abdul Wahab et al. 1995). Di negara muslim yang lain seperti Pakistan dan Kuwait, satu jawatankuasa diketuai oleh pemimpin agama diyakini dapat mengagihkan zakat terutamanya golongan fakir dan miskin (Kahf 1995; Ajeel 1995). Apabila masyarakat dapat menerima jawatankuasa ini atau kepercayaan kepada ustaz atau imam mengutip dan mengagihkan zakat, maka masyarakat Islam mungkin dapat bekerjasama secara aktif dalam sebarang kegiatan masyarakat terutamanya membantu masyarakat yang miskin dan membenters kemiskinan di kampung mereka (Alatas 2003).

METODOLOGI KAJIAN

KUTIPAN DATA DAN PENSAMPELAN

Sampel kajian ini ialah amil iaitu melibatkan amil tetap dan amil sementara yang mengutip zakat fitrah khususnya di bulan Ramadan. Sampel amil yang ditemubual diambil secara rawak berdasarkan senarai nama amil yang berdaftar yang dikeluarkan oleh institusi zakat negeri yang dikaji. Kajian ini tertumpu di negeri Selangor, Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur, Melaka, Terengganu dan Kedah. Kajian ini akan membahagikan kategori

pengurusan institusi zakat seperti berikut; Selangor dan Pulau Pinang yang merupakan negeri yang telah mengkorporatkan institusi zakat dalam aspek kutipan dan pengagihan zakat; WP Kuala Lumpur dan Melaka yang telah mengkorporatkan institusi zakat dalam aspek kutipan zakat sahaja dan pengagihan masih di bawah pengurusan baitulmal negeri; Terengganu dan Kedah mewakili negeri yang pengurusan kutipan dan pengagihan zakat yang masih di bawah tanggungjawab baitulmal negeri (Pusat Pungutan Zakat-MAWIP 2008). Perbezaan struktur institusi pengurusan zakat antara kesemua negeri adalah dijangkakan memberikan hasil keputusan kajian yang seimbang untuk dianalisis.

Berdasarkan Jadual 1, dalam aspek kategori institusi zakat, hampir 40 peratus amil adalah terdiri dari negeri yang mengkorporatkan sepenuhnya pengurusan zakat, 26 peratus yang mengkorporatkan kutipan zakat dan 34 peratus responden di negeri yang tidak mengkorporatkan pengurusan zakat.

SPESIFIKASI MODEL

JADUAL 1. Distribusi Responden Kajian

Negeri	Jumlah
Selangor ¹	112 (27.50)
Pulau Pinang ¹	51 (12.50)
Wilayah Persekutuan ²	68 (16.70)
Melaka ²	37 (9.10)
Terengganu ³	88 (21.60)
Kedah ³	51 (12.50)
Jumlah	407 (100.00)

Nota: () peratusan daripada Jumlah keseluruhan

¹ Negeri yang mengkorporatkan kutipan dan pengagihan zakat

² Negeri yang mengkorporatkan kutipan zakat

³ Negeri yang tidak mengkorporatkan pengurusan zakat

Analisis regresi logistik akan digunakan untuk melihat apakah faktor penentu kebarangkalian amil berminat dan sanggup memikul tanggungjawab melaksanakan konsep penyetempatan. Dalam membentuk model regresi, beberapa pemboleh ubah bebas yang dijangkakan berhubung dengan pemboleh ubah bersandar secara teori perlu dimasukkan. Tiga model akan dibentuk dimana pemboleh ubah bersandar dalam model I dan model II berbentuk binari iaitu sama ada amil sanggup memikul tanggungjawab melaksanakan konsep tersebut dan adakah amil berminat menjadi amil tetap dan profesional. Manakala model III pula akan berbentuk

multinomial kerana pemboleh ubah bersandar terdapat tiga pilihan iaitu sama ada amil tidak setuju, setuju dan sangat setuju secara prinsipnya konsep penyetempatan. Ini dapat ditunjukkan oleh jawapan yang diberi mengikut lima skala likert iaitu sangat tidak setuju dan tidak setuju yang telah digabungkan dan menjadi proksi jawapan tidak setuju, manakala respons setuju dan sangat setuju masing-masing berdasarkan skala likert pada tahap setuju dan sangat setuju. Memandangkan pemboleh ubah bersandar berbentuk binari dan multinomial dan di masa yang sama pemboleh ubah bebas yang digunakan kebanyakannya berbentuk dami maka ketiga-tiga model ini sesuai dianggarkan dengan menggunakan model regresi logistik. Oleh itu, kajian ini akan mengaplikasikan satu model berdasarkan kajian Sanep et al. (2006). Ini adalah kerana model tersebut mempunyai banyak persamaan dengan kajian ini dalam menganggarkan pembolehubah bersandar yang berbentuk binari dan kebanyakan pembolehubah bersandar yang berbentuk dami. Oleh itu model yang dianggarkan secara umumnya dalam kajian ini adalah seperti berikut :

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-z}) \quad (1)$$

Dimana:

P_i adalah kebarangkalian bagi amil sanggup memikul tanggungjawab melaksanakan konsep penyetempatan dan kebarangkalian amil berminat menjadi amil tetap dan profesional; dimana $Y = 1$ untuk amil yang sanggup dan berminat dan $Y = 0$ bagi amil yang tidak sanggup dan tidak berminat. Ini dianalisis di dalam model I dan model II. Manakala dalam model III pula, P_i adalah kebarangkalian bagi amil yang tidak setuju, setuju dan sangat setuju konsep penyetempatan pengagihan zakat. Kategori rujukan dalam model III ditetapkan kepada tidak setuju.

Berdasarkan persamaan (1), kajian ini akan menguji beberapa pemboleh ubah yang dijangkakan mempengaruhi P_i iaitu:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_i X_i \quad (2)$$

Dimana Z_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X adalah pemboleh ubah bebas yang dijangkakan iaitu umur, tahap pendidikan, aliran pelajaran, pengalaman amil, tambahan elaun amil, kategori institusi zakat negeri serta kekerapan ke masjid menunaikan solat berjemaah. Kesemua pemboleh ubah tersebut dikaji merujuk kepada beberapa kajian yang telah dilakukan sebelum ini (Mohd Ali et al. 2004; Hairunnizam et al. 2005; Hairunnizam et al. 2011a)

Kesemua pemboleh ubah dalam persamaan (2) akan diuji untuk menentukan manakah pemboleh ubah yang signifikan mempengaruhi kesanggupan amil memikul tanggungjawab melaksanakan konsep penyetempatan; berminat menjadi amil sepenuh masa dan profesional; dan akhirnya persetujuan amil terhadap konsep penyetempatan.

HASIL KAJIAN

Majoriti responden berumur melebihi 56 tahun iaitu 63.1 peratus daripada keseluruhan responden. Tahap pendidikan amil menunjukkan 52.5 peratus mempunyai pendidikan SPM dan ke bawah, 74 peratus beraliran pendidikan agama dan 43.1 peratus berpengalaman sebagai amil melebihi 10 tahun. Ini menunjukkan amil yang dikaji amat berpengalaman luas dalam aspek

tanggungjawabnya dan mempunyai tahap dan aliran pelajaran yang bersesuaian dengan skop tanggungjawab amil (Lihat Jadual 2).

Hasil kajian juga menunjukkan majoriti amil bersetuju secara prinsipnya terhadap pelaksanaan konsep penyetempatan pengagihan zakat. Didapati sebanyak 82.4 peratus bersetuju, 9.8 peratus sangat bersetuju dan hanya 7.8 peratus yang tidak bersetuju konsep ini dilaksanakan (Lihat Jadual 3). Namun adakah mereka sanggup

JADUAL 2. Latar belakang Amil

Item	Negeri						Jumlah
	Selangor	Penang	WP Kuala Lumpur	Melaka	Terengganu	Kedah	
<i>Umur</i>							
kurang 25 tahun	0	0	6	7	3	0	16
25-35 tahun	0	0	17	10	4	0	31
36-45 tahun	10	0	6	7	4	0	27
46-55 tahun	27	10	12	3	13	12	77
56-60 tahun	34	31	23	2	19	24	133
lebih 60 tahun	41	10	4	11	44	15	125
<i>Status</i>							
bujang	2	0	9	8	5	0	24
berkahwin	110	51	55	32	73	51	372
Janda/duda	0	0	4	0	10	0	14
<i>Tahap pendidikan</i>							
SPM dan ke bawah	75	20	27	18	73	0	213
Diploma/STPM/ ke atas	36	31	41	22	12	51	193
<i>Aliran Pelajaran</i>							
Agama	101	51	50	11	38	51	302
Kebangsaan	11	0	18	28	49	0	106
<i>Pengalaman Amil</i>							
Kurang 1 tahun	0	0	8	10	13	0	31
2-5 tahun	5	10	29	14	34	12	104
6-9 tahun	46	10	3	3	21	11	94
10-15 tahun	44	31	15	9	11	28	138
lebih 15 tahun	14	0	13	2	7	0	36
<i>Pekerjaan</i>							
kerajaan	10	0	23	25	27	1	86
swasta	0	21	6	1	4	0	32
bekerja sendiri	25	30	12	3	36	14	120
pesara	77	0	24	5	20	36	162
lain-lain	0	0	3	2	0	0	5
<i>Pendapatan Bulanan</i>							
kurang RM1000	0	0	9	12	54	0	75
RM1001-RM2000	24	9	33	18	26	35	145
RM2001-RM3000	87	42	22	7	7	16	181
RM3001-RM4000	0	0	4	1	1	0	7
<i>Bilangan Tanggungan</i>							
tiada tanggungan	1	0	8	8	11	0	28
1-4 orang	65	30	41	23	41	40	240
5-8 orang	46	21	16	9	32	11	135
9-11 orang	0	0	0	0	4	0	4

JADUAL 3. Tahap Persetujuan amil terhadap konsep penyetempatan

Negeri	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Selangor	0	83	29
Pulau Pinang	0	51	0
WP Kuala Lumpur	0	66	2
Melaka	3	30	6
Terengganu	29	56	3
Kedah	0	51	0
Jumlah	32	337	40
	(7.8)	(82.4)	(9.8)

Nota: Ujian Pearson χ^2 adalah signifikan pada 1%
() peratusan daripada jumlah keseluruhan responden

melaksanakan dan memikul tanggungjawab ini di lokaliti masing-masing? Kajian ini mendapati majoriti amil sanggup memikul tanggungjawab melaksanakan konsep penyetempatan iaitu sebanyak 95.4 peratus berbanding 4.6 peratus yang tidak sanggup. Dalam aspek pemberian elaun tambahan amil sekiranya konsep ini dilaksanakan, sebanyak 88.3 peratus berminat dengan tambahan elaun

ini berbanding hanya 11.7 peratus yang tidak berminat kerana mereka mengatakan ikhlas kerana Allah S.W.T. Manakala dalam aspek lain, sekiranya mereka ditawarkan sebagai amil sepenuh masa dan profesional, 79.1 peratus bersetuju manakala 20.9 peratus tidak berminat menjadi amil sepenuh masa dan profesional. Secara keseluruhannya amil sebenarnya berminat menjadi amil secara tetap dan profesional sedangkan pada situasi ini majoriti amil adalah amil sementara yang berkhidmat ketika bulan Ramadan (Lihat Jadual 4).

Seterusnya kajian ingin mengkaji apakah faktor penentu yang dijangkakan mempengaruhi amil berminat melaksanakan konsep ini melalui analisis regresi. Namun sebelum itu, Jadual 4 menunjukkan Jadual klasifikasi model yang menunjukkan kesahan jawapan oleh amil. Secara keseluruhannya lebih 80 peratus disahkan jawapan amil adalah benar kepada semua model yang dikaji. Model I menunjukkan tahap peratusan betul keseluruhan yang tertinggi iaitu sebanyak 97.8 peratus berbanding model II (83.4%) dan model III (83.1%). Ini menunjukkan jawapan yang diberikan adalah disahkan benar dan amat sesuai untuk dianalisis (Lihat Jadual 5).

JADUAL 4. Pandangan Amil

Negeri	Bertambah tanggungjawab sebagai amil		Tambahan elaun untuk amil		Amil profesional sepenuh masa	
	Sanggup	Tidak sanggup	Minat	Tidak minat	Minat	Tidak Minat
Selangor	112	0	112	0	82	30
Pulau Pinang	51	0	51	0	51	0
WP Kuala Lumpur	62	6	61	4	56	9
Melaka	34	6	30	6	25	11
Terengganu	81	7	48	37	46	31
Kedah	51	0	51	0	50	1
Jumlah	391	19	353	47	310	82
	(95.4)	(4.6)	(88.3)	(11.7)	(79.1)	(20.9)

Nota: Ujian Pearson χ^2 adalah signifikan pada 1%
() peratusan daripada jumlah keseluruhan responden

JADUAL 5. Klasifikasi Regresi Logistik

		Diramalkan	
		Tidak Sanggup	Sanggup
Pemerhatian ¹	Tidak Sanggup	0	8
	Sanggup	0	348
Pemerhatian ²	Tidak profesional	24	51
	Profesional	6	263
Pemerhatian ³	Tidak Setuju	21	6
	Setuju	9	274
	Sangat Setuju	1	36
			Sangat Setuju
			0
			8
			1

Nota: Nilai batasan adalah 0.500

¹Peratusan Betul: Sanggup = 100 %; tidak sanggup = 0%; keseluruhan = 97.8 %

²Peratusan Betul: Profesional = 97.8 %; tidak profesional = 32.0%; keseluruhan = 83.4 %

³Peratusan Betul: Tidak Setuju = 77.8 %; Setuju = 94.2%; Sangat Setuju = 2.6%; keseluruhan = 83.1 %

Berdasarkan Jadual 6, tiga model telah dibentuk dan dianalisis menggunakan analisis regresi logistik. Jika dilihat kepada model I, hanya dua pemboleh ubah yang signifikan, iaitu pengalaman amil dan tambahan elaun kepada amil dimana kedua-dua pemboleh ubah tersebut berhubungannya secara positif dan signifikan masing-masing pada aras keertian 10 peratus dan 1 peratus terhadap pemboleh ubah kesanggupan melaksanakan konsep ini. Ujian padanan model I menggunakan kaedah *Hosmer and Lemeshow* mencatatkan nilai *Chi-Square* sebanyak 9.591 ($\text{sig} = 0.295$) dengan 8 darjah kebebasan. Kedudukan ini menunjukkan bahawa model mempunyai padanan yang baik dengan data. Namun begitu nilai R^2 pula yang menunjukkan variasi kesemua pemboleh ubah kepada model amatlah kecil iaitu dalam lingkungan sekitar 3.4 peratus hingga 17.4 peratus. Model II pula menunjukkan terdapat tiga pemboleh ubah yang signifikan iaitu tahap pendidikan, tambahan elaun amil serta kategori institusi zakat. Tahap pendidikan dan tambahan elaun amil berhubungannya secara positif dan signifikan pada aras keertian 1 peratus terhadap pemboleh ubah minat menjadi amil sepenuh masa dan profesional. Manakala pemboleh ubah kategori institusi zakat, berhubungannya secara negatif dan signifikan pada aras keertian 10 peratus menunjukkan

kebarangkalian amil minat berkhidmat sepenuh masa dan profesional adalah di negeri yang belum mengkorporatkan pengurusan zakat. Namun begitu model ini menunjukkan ujian padanan menggunakan kaedah *Hosmer and Lemeshow* adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus menunjukkan model ini mempunyai padanan yang kurang baik dengan data. Walau bagaimanapun model II adalah lebih baik berbanding model I dari segi nilai R^2 iaitu *Cox and Snell* dan *Nagelkerke* masing-masing adalah bernilai dalam lingkungan 23.9 peratus dan 36.7 peratus. Ini menunjukkan variasi pebolehubah bebas adalah lebih besar menerangkan pemboleh ubah bersandar. Akhirnya model III adalah menguji faktor penentu amil bersetuju secara prinsipnya konsep penyetempatan dan kajian mendapati untuk kebarangkalian amil hanya setuju penyetempatan berbanding tidak setuju, terdapat dua pemboleh ubah sahaja yang signifikan iaitu pemboleh ubah tambahan elaun amil dan kategori institusi zakat. Kedua-dua pemboleh ubah berhubungannya secara positif dan signifikan pada aras keertian 1 peratus. Manakala bagi jawapan amil yang sangat setuju konsep penyetempatan berbanding tidak setuju, terdapat tiga pemboleh ubah yang signifikan iaitu tambahan elaun amil, kategori institusi zakat dan kekerapan bersembahyang secara

JADUAL 6. Hasil regresi

Pemboleh ubah	Model I	Model II	Model III	
			Setuju	Sangat Setuju
Konstan/Intersep	-1.237 (0.926)	0.165 (1.247)	-3.658* (2.158)	-10.244*** (2.886)
Umur	-0.082 (0.303)	-0.254 (0.165)	0.088 (0.320)	-0.287 (0.356)
Tahap pendidikan (1)	0.455 (0.980)	2.025*** (0.424)	0.993 (1.150)	0.443 (1.209)
Aliran Pelajaran (1)	0.380 (0.810)	-0.135 (0.393)	0.520 (0.644)	-0.013 (0.761)
Pengalaman Amil	0.742* (0.450)	0.223 (0.202)	0.297 (0.314)	0.225 (0.388)
Tambahan elaun (1)	1.889** (0.939)	2.554*** (0.521)	3.514*** (0.730)	3.389*** (1.019)
Korporat (1)	-1.237 (0.926)	-0.774* (0.451)	2.967*** (1.093)	4.848*** (1.248)
Kekerapan ke masjid	-0.129 (0.427)	-0.109 (0.187)	0.284 (0.268)	1.333*** (0.396)
Hosmer dan Lemeshow test (χ^2)	9.591	34.187***		
Pearson Goodness of fit (χ^2)			587.755***	
Cox and Snell R^2	0.174	0.239	0.348	
Nagelkerke R^2	0.034	0.367	0.498	

Nota: () ralat piawai

(1) pemboleh ubah dami

Model I: regresi binari logistik. Pemboleh ubah bersandar : kesanggupan melaksanakan tanggungjawab

Model II: regresi binari logistik. Pemboleh ubah bersandar : berminat amil profesional

Model III: regresi multinomial logistik. Pemboleh ubah bersandar : setuju konsep penyetempatan, rujukan kategori ialah tidak setuju

*** Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

* Signifikan pada aras keertian 10%

berjemaah di masjid. Kesemua pemboleh ubah tersebut berhubung secara positif dan signifikan pada aras keertian 1 peratus. Namun begitu ujian padanan model menggunakan kaedah *Pearson Chi-Square* menunjukkan model ini model mempunyai padanan yang kurang baik dengan data. Walau bagaimanapun nilai R^2 adalah agak tinggi berbanding model I dan model II iaitu dalam lingkungan 34.8 peratus dan 49.8 peratus.

Hasil kajian ini jelas menunjukkan beberapa pemboleh ubah yang signifikan dan perlu diberi perhatian berdasarkan pemerhatian terhadap ketiga-tiga model ini. (1) Model I adalah lebih baik berbanding Model II dan Model III kerana model mempunyai padanan yang baik dengan data. Oleh itu dua pembolehubah bebas yang signifikan iaitu pengalaman amil dan tambahan elaun amil perlu diberi perhatian oleh pembuat dasar. (2) Pemboleh ubah tambahan elaun amil adalah berhubung secara positif dan signifikan dalam ketiga-tiga model menunjukkan ia adalah konsisten dan amat penting dipertimbangkan sekiranya ingin melaksanakan konsep penyetempatan pengagihan zakat. (3) Pemboleh ubah kategori pengurusan institusi zakat menunjukkan ia adalah signifikan walaupun terdapat hubungan yang berbeza (positif dan negatif) pada model yang berbeza iaitu Model II dan model III. (4) Tahap pendidikan amil, pengalaman amil dan kekerapan berada di masjid untuk sembahyang berjemaah dan mengutip zakat juga menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah ini agak penting untuk diberi perhatian walaupun tidak konsisten tahap kesignifikannya dalam ketiga-tiga model yang dikaji. Oleh itu hasil kajian ini walaupun menguji pemboleh ubah bersandar yang berbeza dalam model yang berbeza namun sekurang-kurangnya dapat menjelaskan beberapa pemboleh ubah yang signifikan dan perlu di beri perhatian oleh institusi zakat sekiranya ingin melaksanakan konsep penyetempatan pengagihan zakat di Malaysia.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Faktor ganjaran (Hairunnizam et al. 2011b) dan memartabatkan profesion amil menjadi profesional adalah penting (Ram 2011) terutamanya untuk menjayakan dan melaksanakan konsep penyetempatan pengagihan zakat. Berdasarkan faktor tersebut, kajian ini mencadangkan dua perkara yang perlu diberi perhatian oleh institusi zakat. Pertamanya aspek kerjaya sebagai amil perlu diperkasakan lagi dengan mewujudkan jawatan amil tetap, secara profesional serta bergaji tetap di kesemua kariah atau lokaliti agar amil bertugas sepenuh masa sepanjang tahun. Ini akan memastikan pengurusan zakat menjadi lebih cekap dan efisien bukan sahaja mengutip zakat, malah dicadangkan dinyahkan kuasa untuk mengagihkan zakat (Muhammad Syukri 2006). Ini secara tidak langsung dapat mengatasi masalah birokrasi permohonan zakat, masalah mengenali dan memantau asnaf yang sedia ada dan yang berpotensi

menjadi asnaf. Jawatan amil perlulah dijadikan satu jawatan yang profesional bermakna pelantikan amil perlu mempunyai kelayakan akademik yang tinggi, berterusan (Ram 2011) serta profesional seperti ahli akauntan, ekonomi dan sebagainya, berpengalaman sebagai amil dan berpengetahuan agama yang luas dan mendalam dan menjadi contoh ikutan dan akhlak yang murni agar amil mudah menjalinkan sosialisasi dengan asnaf. Ini akan meningkatkan mutu dan kualiti serta tahap keprofesionalan pengurusan zakat di Malaysia dan ini dapat menangkis kritikan terhadap amil (Abdul Wahab et al. 1995; dan Ram 2011).

Negeri yang telah mengkorporatkan pengurusan zakat sama ada aspek kutipan dan pengagihan atau sekurang-kurangnya kutipan zakat telah mengubah minda dan paradigma amil menjadi ke arah lebih profesional walaupun mereka adalah amil sementara. Ini adalah kerana pengurusan zakat yang cekap dan tersusun bermula dari institusi zakat negeri, daerah dan akhirnya ke mukim bakal melahirkan satu sistem pengurusan yang tahap capaiannya sampai sehingga ke akar umbi masyarakat. Kajian ini berpendapat amil sementara yang bertugas di mukim atau kampung sebenarnya mempunyai banyak pengalaman bersosial bersama masyarakat, mengetahui ahli kariah secara lebih dekat dan mesra serta sentiasa berada di masjid kerana kebanyakan amil mengutip zakat fitrah di masjid berpotensi menjayakan pencapaian kualiti pengurusan zakat yang lebih baik berbanding sebelumnya. Konsep penyetempatan sebenarnya ingin mewujudkan hubungan yang mesra dan sosialisasi antara amil yang mewakili institusi zakat negeri dengan masyarakat setempat yang terdiri daripada pembayar zakat dan penerima zakat yang lain terutamanya golongan fakir dan miskin serta golongan yang lain yang juga perlu diberi perhatian adil seperti *fi sabilillah*, *mualaf*, *gharimun* dan sebagainya dalam kerangka Islam yang menyeluruh iaitu akidah, syariah dan akhlak. Proses ini akan mendidik masyarakat untuk menggalakkan membayar zakat harta, menggalakkan penyertaan masyarakat yang aktif di masjid (Hairunnizam et al. 2011c), menggalakkan terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan (Hairunnizam et al. 2011b) dan mengasahi saudara Islam yang lain terutamanya golongan fakir, miskin, orang kelainan upaya, ibu tunggal dan sebagainya.

Peranan masjid perlu diperkasakan agar proses dakwah oleh amil dapat dilakukan dengan efektif melalui institusi tersebut (Hairunnizam et al. 2011a). Falsafah zakat yang menekankan aspek penyucian jiwa dan harta perlu dilakukan terhadap pembayar zakat serta penerima zakat melalui institusi masjid yang sebenarnya adalah satu tempat yang amat sesuai untuk menyucikan jiwa dan harta. Kajian ini berpendapat kejayaan sistem zakat perlu bermula daripada institusi masjid di peringkat mukim, daerah dan seterusnya negeri. Yakinlah bahawa kejayaan dalam apa-apa bidang sekalipun dan penyelesaian apa-apa masalah yang rumit termasuklah pengurusan zakat

perlu bermula daripada mengimarah institusi masjid berdasarkan dalil Al-Quran (surah 9:18) yang dinyatakan di awal kajian ini. Institusi masjid perlu dijadikan salah satu cabang institusi zakat agar keberkatannya serta kesan eksternaliti positif dapat melimpahi sistem pengurusan zakat yang akhirnya dapat memantapkan sistem pengurusan zakat di Malaysia.

KESIMPULAN

Amil amat berperanan penting dalam pengurusan zakat. Kajian mendapati secara umumnya amil telah bersedia memikul tanggungjawab menjadi amil tetap dan profesional di ketempatan masing-masing. Oleh itu profesion sebagai amil perlu dimantapkan agar sasaran serta misi pengurusan zakat dapat dicapai dengan cemerlang. Ia perlu bermula dari input iaitu amil yang berkualiti bakal menghasilkan pengurusan dan output perkhidmatan zakat yang berkualiti. Pelantikan amil berkualiti perlu merangkumi semua aspek seperti sahsiah dan akhlak, tahap pendidikan yang tinggi dan profesional, tahap pengetahuan agama yang tinggi, mudah diterima oleh masyarakat dan sebagainya. Kejayaan pelaksanaan penyetempatan pengagihan zakat amat bergantung kepada kualiti amil di peringkat mukim agar ia dapat menyokong kualiti pengurusan zakat di peringkat daerah dan negeri. Ini akhirnya dapat mengatasi dan menyelesaikan masalah pengagihan zakat di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Muhammad. 1993. *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul-Wahab, M, Syed Abdul Hamid, Mohd Azmi O, Aidit G, Jamil O. & Muhammad Arif. 1995. Malaysia (Satu kajian kes mengenai Pengurusan Zakat). Dlm. *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, disunting oleh el-Ashker and Sirajul Haq, 297-378. Jeddah: IRTI/IDB.
- Aidit Ghazali. 1989). Fenomenon pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi: satu analisis empirik. Dlm. *Zakat ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, disunting oleh Mohd Ali Baharum. Kuala Lumpur: Dunia Press Sdn. Bhd.
- Ajeel, Abd Al Qader Dahi. 1995. Kuwait. *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*. Jeddah: IRTI/IDB.
- Alatas, V., Pritchett, L. & Wetterberg, A. 2003. Voice lessons: Local government organizations, social organizations, and the quality of local governance. Policy Research Working Paper 2981. The World Bank. 2003.
- Alderman, H. 2002. Do local officials know something we don't? Decentralization of targeted transfers in Albania. *Journal of Public Economics* 83 (2002): 375-404.
- Braun, V. and Grote. 2002. Does decentralization serve the poor? Dlm. *Managing Fiscal Decentralization*, disunting oleh Ehtisham Ahmad, & Vito Tanzi. New York: Routledge
- Breton, A. 2002. An introduction to decentralization failure. Dlm. *Managing Fiscal Decentralization*, disunting oleh Ehtisham Ahmad, & Vito Tanzi. New York: Routledge
- Chapra, M. U. 1992. *Islam and the Economic Challenge*. Leicester, U. K.: The Islamic Foundation.
- Crook, R. & Manor, J. 2000. Democratic decentralization. OECD Working Paper Series No. 11. Summer 2000 The World Bank Washington, D.C.
- Faguet, J. P. 2004. Does decentralization increase government responsiveness to local needs? Evidence from Bolivia. *Journal of Public Economics* 88: 867- 893.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. 2004. Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 1(1): 151-166.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor & Sanep Ahmad. 2005. Kesedaran membayar zakat: Apakah faktor penentunya? *International Journal of Management Studies* 12(2): 171-189.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. 2007. Kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. *Islamiyyat* 29: 53-70.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2010. Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. 4(1): 141-170.
- Hairunnizam Wahid Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2011a. Cadangan Melokalisasikan Pengagihan Zakat di Malaysia: Peranan Institusi Masjid. Mansor Jusoh et.al (eds.). *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-VI 2011 Jilid I*. pp. 124-137. Bangi: Penerbit Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM. ISBN978-983-3198-65-8
- _____. 2011b. Lokalisasi pengagihan zakat dan cadangan khidmat sosial: Satu tinjauan awal di Malaysia. Kertas kerja di Seminar The World Universities 1st Zakat Conference 2011. PWTC, 22-24 November 2011. Anjuran IKAZ.
- _____. 2011c. Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap kepuasan Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*. 14: 172-192.
- Hankla, C. R. 2008. When is fiscal decentralization good for governance? *Publius: The Journal of Federalism*: 1-19.
- Henandez-Trillo, F. & Jarillo-Rabling, B. 2008. Is local beautiful? Fiscal decentralization in Mexico. *World Development* 36(9): 1547-1558.
- Kahf, M. 1995. Applied Institutional Models For Zakat Collection and Distribution in Islamic Countries and Communities. Dlm. *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, disunting oleh el-Ashker and Sirajul Haq, 197-228. Jeddah: IRTI/IDB.
- _____. 1995. Zakat: Unsolved issues in contemporary fiqh. Dlm. *Development and finance in Islam*, disunting oleh Sadeq et al. Kuala Lumpur: Zafar Press Pte. Ltd.
- _____. 1999. The performance of the institution of zakat in theory and practice. International conference on Islamic economics towards the 21st Century, Kuala Lumpur, April 26-30, 1999
- Larson, A. M. 2002. Natural resources and decentralization in Nicaragua: Are local governments up to the job? *World Development* 30(1): 17-31.

- Mohamed Dahan Abdul Latif. 1998. Zakat management and administration in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunnizam Wahid & Nor Ghani Md Nor. 2004. Kesedaran membayar zakat pendapatan di kalangan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat*. 26(2): 59-68.
- Muhammad Syukri Salleh. 2006. Penyetempatan pengagihan zakat: Satu cadangan teoritis. Dlm. *Zakat: Pensiyyatan, Perekonomian & Perundangan*, disunting oleh Hailani & Abdul Ghafar. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad & Nahid Ismail. 2001. Can privatization improve performance? Evidence from zakat collection institutions. Kertas kerja Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Oates. 1972. *Fiscal Federalism*. New York: Harcourt, Brace, and Jovanovich.
- Pusat Pungutan Zakat-MAWIP. 2008. Laporan Zakat 2008.
- Qardawi, Y. 1996. *Hukum Zakat-Studi Komparatif mengenai Status dan Filasafat Zakat Berdasarkan Quran dan Hadis*. Terj. Salman Harun et al. Indonesia: Penerbit Litera AntarNusa.
- Qutb, Sayid. 2000. Tafsir Fi Zilalil Qur'an. Terj. Yusoff Zaky Hj Jacob. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Radiah Abdul Kader, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. 2010. Cadangan Melokalisasikan Pengagihan Zakat: Persepsi Amil dan penerima Zakat. Seminar SEBUMI 3 2010. Penjanaan Ilmu Serumpun Ke arah Kelestarian Penyelidikan dan Kecemerlangan Akademik.
- Ram Al Jaffri. 2011. Profesionalisme amil dalam transformasi agihan zakat. Dlm. *Transformasi Zakat: Daripada Zakat Saradiri kepada Zakat Produktif*, disunting oleh Muhammad Syukri Salleh et al. Pulau Pinang: PUZ, MAINPP dan ISDEV.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2005. Persepsi dan faktor penentu kesedaran terhadap perluasan sumber zakat harta yang diikhtilaf. *Islamiyyat* 27(1): 45-65.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. 2006. Penswastan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13 (2): 175-196.
- Shah, A. & Thompson, T. 2004. Implementing decentralized local governance: A treacherous road with potholes, detours and road closures. World Bank Policy Research Working Paper 3353, June 2004
- Shama, C. K. 2009. Emerging dimensions of decentralization debate in the age of glocalization. *Indian Journal of Federal Studies* 1: 47-65.
- Tiebout. 1956. A pure theory of local expenditure. *Journal of Political Economy* 64: 416-424.
- Tugrul, G. & Shah, A. 2002. Localization and corruption: Panacea or pandora's box? Dlm. *Managing Fiscal Decentralization*, disunting oleh Ehtisham Ahmad & Vito Tanzi. New York: Routledge.
- Williamson, O. E. 2000. The new institutional economics: Taking stock, looking ahead. *Journal of Economic Literature* 38(3): 595-613.
- Zayas, F. G. 2003. *The Law and Institution of Zakat*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Hairunnizam Wahid
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
MALAYSIA
hairun@ukm.my
- Sanep Ahmad
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
MALAYSIA
nep@ukm.my
- Radiah Abdul Kader
Departments of Economics
Faculty of Economics and Administration
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA
radiah@um.edu.my